

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bil. S 1

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (PERSATUAN BULAN SABIT MERAH NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM) (PEMERBADANAN), 1990

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraian (3) dari bab 83 Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini membuat Perintah yang berikut —

- Gelaran.
1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam) (Pemerbadanan), 1990.
- Tafsiran.
2. Dalam Perintah ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Majlis" bermakna Majlis yang disebut dalam bab 6 ;
"Persatuan" bermakna pertubuhan yang diperbadankan di bawah nama Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam oleh bab 3 ;
"Pertubuhan Palang Merah" bermakna persatuan sukarela yang dikenali sebagai Pertubuhan Palang Merah British di Negara Brunei Darussalam yang dibubarkan oleh ceraian (1) dari bab 11.
- Pemerbadanan Persatuan.
3. Orang-orang yang sebaik sahaja sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini yang telah menjadi ahli-ahli Pertubuhan Palang Merah, bersama dengan semua orang sedemikian yang kemudian daripada ini menjadi ahli Persatuan tersebut menurut aturan-aturan dan undang-undang kecil yang dibuat di bawah atau disebut dalam bab 9, adalah menjadi pertubuhan diperbadankan dengan nama Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam dan dengan nama tersebut adalah kekal turun-menurun dan mempunyai meterai ; boleh membuat kontrak ; boleh memperolehi, membeli, memajak, mengambil, memegang dan menikmati harta dan memindah hak, memindah milik, menyerahhak, menyerahbalik dan menyerah, menggadai, menggadai-janji, memajak, menyerahhak semula atau sebaliknya melepas atau menguruskan mana-mana harta Persatuan mengikut syarat-syarat sebagaimana yang dianggapnya mustahak ; dan dengan nama tersebut boleh mendakwa dan didakwa ; dan boleh melakukan segala perkara yang lain yang berhubung atau bersangkutan dengan sesebuah pertubuhan diperbadankan.

4. Matlamat-matlamat Persatuan ialah untuk mengadakan sebuah pertubuhan yang terbuka, tanpa sebarang perbezaan berdasarkan ugama, bangsa atau politik, kepada sesiapa saja di Negara Brunei Darussalam untuk membolehkan mereka melaksanakan maksud-maksud Persatuan tersebut, dan melakukan segala perkara yang lain sebagaimana yang dianggapnya berhubungan atau mendatangkan faedah bagi pencapaian matlamat-matlamat dan maksud-maksud tersebut.

Matlamat
Persatuan.

5. Maksud-maksud Persatuan ialah —

Maksud-
maksud
Persatuan.

- (a) Pada masa-masa aman dan peperangan untuk melakukan kerja-kerja, dan untuk memberikan bantuan sukarela menurut semangat dan waad —
 - (i) Konvensyen bagi Pembaikan Keadaan Orang Cedera dan Sakit dalam Angkatan Bersenjata di Medan Perang ;
 - (ii) Konvensyen bagi Pembaikan Keadaan Ahli-Ahli Angkatan Bersenjata di Laut yang Cedera, Sakit dan Terkandas ;
 - (iii) Konvensyen berkaitan dengan Rawatan Orang-Orang Tawanan Perang ; dan
 - (iv) Konvensyen berkaitan dengan Perlindungan Banduan-Banduan Awam pada Masa Peperangan,

semua yang telah ditandatangani di Geneva pada 12hb. Ogos 1949 dan Protokol I dan II yang telah ditandatangani pada 10hb. Jun 1977 ; dan

- (b) Untuk melaksanakan segala tugas yang diserahkan kepada pertubuhan tersebut oleh sesebuah negara yang ikut serta dalam Konvensyen tersebut.

6. Hal Ehwal Persatuan hendaklah ditadbir oleh Majlis yang ditubuhkan menurut aturan-aturan dan undang-undang kecil Persatuan tersebut :

Majlis.

Dengan syarat bahawa ahli-ahli pertama Majlis hendaklah orang-orang yang sebaik sahaja sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini adalah ahli-ahli Jawatankuasa Pertubuhan Palang Merah.

7. Semua suratikatan dan dokumen-dokumen lain yang memerlukan meterai Persatuan hendaklah dimeterai dengan meterainya menurut ketetapan Majlis yang bermaksud sedemikian, di hadapan pengurus atau naib pengurus Majlis tersebut dan setiausaha atau beberapa orang lain yang diberikuasa sedemikian oleh Majlis tersebut, yang mana kedua-duanya hendaklah menandatangani setiap suratikatan atau dokumen tersebut, dan penandatanganan tersebut adalah keterangan yang mencukupi bahawa

Meterai.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ianya telah dimeterai dengan sempurna dan sepatutnya dan bahawa ia adalah meterai yang sah.

Daftar Ahli-Ahli.

8. (1) Majlis hendaklah menyebabkan supaya disimpan suatu daftar dalam mana hendaklah direkod nama setiap orang, yang mana sebaik sahaja sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini, adalah ahli Persatuan Palang Merah atau sesiapa saja selepas ini menjadi ahli Persatuan tersebut, dan dalam mana hendaklah juga direkod perkara-perkara lain sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Majlis.

(2) Daftar bolehlah disimpan dalam beberapa bahagian sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Majlis.

Aturan-Aturan dan undang-undang kecil.

9. Majlis boleh membuat aturan-aturan dan undang-undang kecil sebagaimana yang difikirkan mustahak bagi pengurusan hal ehwal Persatuan dan bagi pencapaian matlamat-matlamat dan maksud-maksudnya, dan boleh memindanya ; dan semua aturan dan undang-undang kecil itu hendaklah terikat ke atas ahli-ahli Persatuan itu :

Dengan syarat bahawa aturan-aturan dan undang-undang kecil Pertubuhan tersebut yang berkuatkuasa pada permulaan berkuatkuasanya Perintah ini, hendaklah sehingga dibatalkan atau dipinda di bawah bab ini, berkuatkuasa sebagai aturan-aturan dan undang-undang kecil Persatuan tersebut seolah-olah ianya telah dibuat di bawah bab ini.

Penggunaan pendapatan dan harta.

10. (1) Semua pendapatan dan harta Persatuan tersebut hendaklah digunakan semata-mata untuk pencapaian matlamat-matlamat dan maksud-maksudnya sahaja, dan tiada bahagian daripadanya boleh dibayar atau dipinda secara langsung atau tidak langsung dengan cara dividen, bonus atau sebaliknya secara keuntungan kepada ahli-ahlinya atau mana-mana daripadanya :

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa pun dalam ceraian ini boleh menghalang pembayaran dengan suci hati bagi saraan kepada mana-mana pegawai atau kakitangan atau kepada mana-mana ahli Persatuan tersebut sebagai balasan bagi sesuatu perkhidmatan yang sebenarnya diberikan olehnya kepada Persatuan tersebut.

(2) Tanggungan setiap ahli Persatuan tersebut mengenai kegiatan-kegiatannya adalah tidak melebihi jumlah yuran tahunan yang patut dibayar olehnya.

Pembubaran, pindah milik harta dan tanggungan-tanggungan, dan sebagainya.

11. (1) Pada permulaan berkuatkuasanya Perintah ini, Pertubuhan Palang Merah adalah dibubarkan dan semua harta yang diletakkan atau kepunyaannya, sama ada atas namanya atau atas nama seseorang yang diamanahkan untuknya, adalah dipindah milik dan tanpa kepastian selanjutnya hendaklah letakkan pada Persatuan itu bagi harta pusaka dan faedah masing-masing bagi yang mana ianya pada ketika itu disimpan, dan hendaklah bersama dengan semua harta, yuran, sumbangan, derma, denda, pinjaman dan pendahuluan yang diperolehi selepas itu disimpan oleh Persatuan bagi matlamat-matlamat dan maksud-maksudnya.

(2) Semua hutang dan tanggungan Pertubuhan Palang Merah yang ada sebaik sahaja sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini hendaklah dibayar oleh Persatuan tersebut, dan semua wang yang kena dibayar kepada Pertubuhan Palang Merah hendaklah dibayar kepada Persatuan itu.

12. (1) Adalah menyalahi undang-undang bagi seseorang, tanpa kebenaran dari Menteri, untuk menggunakan bagi maksud perdagangan atau perniagaannya atau bagi mana-mana tujuan lain —

- (a) lambang bulan sabit merah yang berlatarbelakangkan warna putih atau perkataan "Bulan Sabit Merah" atau "Red Crescent" ; atau
- (b) mana-mana rekabentuk yang meniru warna lambang tersebut, atau mana-mana perkataan yang hampir menyerupai perkataan-perkataan "Bulan Sabit Merah" atau "Red Crescent" yang boleh difahami sebagai menyebut lambang atau perkataan-perkataan itu.

Larangan menggunakan lambang, perkataan-perkataan dan rekabentuk.

(2) Tiada apa-apa pun dalam bab ini digunakan kepada tanda perniagaan yang sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini didaftarkan di Negara Brunei Darussalam dan yang terdiri atau mengandungi mana-mana lambang, perkataan atau rekabentuk tersebut seperti yang disebutkan dalam ceraian (1) ; dan jika seseorang didakwa kerana menggunakan lambang, perkataan-perkataan atau rekabentuk tersebut bagi mana-mana maksud dan adalah terbukti yang dia menggunakan selain daripada sebagai atau sebagai sebahagian daripada tanda perniagaan yang didaftarkan sedemikian ianya hendaklah menjadi suatu pembelaan bagi dirinya untuk membuktikan —

- (a) bahawa sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini, dia secara sah telah menggunakan lambang, perkataan-perkataan atau rekabentuk itu bagi tujuan tersebut di Negara Brunei Darussalam ; atau
- (b) dalam hal di mana dia didakwa kerana menggunakan lambang, perkataan-perkataan atau rekabentuk tersebut pada barang-barang, bahawa lambang, perkataan-perkataan atau rekabentuk itu telah terpakai kepada barang-barang itu sebelum dia memperolehnya, oleh orang lain yang telah membuat atau mengendalikannya, dan bahawa orang lain itu dengan sah telah menggunakan lambang, perkataan-perkataan atau rekabentuk itu di Negara Brunei Darussalam kepada barang-barang yang sama sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini.

(3) Mana-mana orang yang melanggar bab ini adalah melakukan kesalahan : Hukuman, denda sebanyak \$5,000.00, penjara selama satu tahun atau kedua-duanya, dan mana-mana barang kepada atau yang berkaitan dengan mana lambang, perkataan-perkataan atau rekabentuk tersebut digunakan dirampas.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(4) Apabila sesuatu kesalahan di bawah Perintah ini dilakukan oleh sesebuah pertubuhan yang diperbadankan terbukti telah dilakukan atas keizinan atau pembiaran seseorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain pertubuhan perbadanan tersebut, dia, dan juga pertubuhan perbadanan tersebut, adalah melakukan kesalahan dan boleh dibicarakan dan dihukum dengan sepatusnya.

(5) Perbicaraan-perbicaraan di bawah Perintah ini tidak boleh dimulakan tanpa keizinan Peguam Negara.

Diperbuat pada 28 haribulan November, 1990 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM,